

# 62 nelayan Pantai Siring dibantu

Sinar Harian 16/5/2020. M/S 24

Terima sagu hati  
RM285,000 akibat  
terjejas dengan  
projek penghantaran  
bekalan elektrik

Oleh NOR FARHANA  
YAACOB

JASIN



Ahmad (kiri) menyerahkan enjin bot kepada penerima OKU pada majlis penyampaian bayaran sagu hati nelayan kelmarin.



Ahmad (kiri) menyampaikan bayaran sagu hati kepada seorang nelayan di Pangkalan Pantai Siring kelmarin.

**P**erbadanan Kema-  
juan Negeri Me-  
laka menyalurkan  
bayaran sagu hati  
sebanyak RM285,000 ke-  
pada seramai 62 nelayan  
di Pangkalan Pantai Siring  
yang terjejas dengan Pro-  
jek Penghantaran Bekalan  
Elektrik ke Pulau Besar.

Timbalan Menteri Pertani-  
an dan Industri Makanan,  
Datuk Seri Ahmad Hamzah  
berkata, projek Penghanta-  
ran Bekalan Elektrik ke Pu-  
lau Besar dari Pantai Siring  
pada tahun 2013 itu menga-  
kibatkan nelayan terjejas  
punca pendapatan kerana  
tidak dapat turun ke laut un-  
tuk menangkap hasil laut.

Menurutnya, atas  
dasar keprihatinan ke-  
rajaan telah menyalur-  
kan bayaran sagu hati  
pertama di pangkalan  
berkenaan berjumlah  
RM85,400 sebelum  
baki bayaran  
RM199,600 berjaya di-  
selesaikan.

“Kadar yang ditetapkan oleh  
kerajaan negeri bagi sumbangan  
Tabung Ekonomi Nelayan ada-  
lah sebanyak RM5,000 bagi  
setiap ekar dan 50 sen bagi se-  
tiap kaki persegi sebagai bay-  
aran sagu hati kepada nelayan



AHMAD

berkuat kuasa mulai  
tahun 2010.

“Kerajaan negeri  
pada tahun 2013 telah  
menetapkan syarikat-  
syarikat konsesi yang  
terlibat dengan penam-  
bakan laut dikehendaki  
membuat sumbangan  
Tabung Ekonomi Me-  
layan dan bayaran sagu hati  
kepada nelayan.

“Bayaran sagu hati pada kali  
ini tepat dilaksanakan meman-  
dangkan ramai terkesan dengan  
koronavirus (Covid-19) sekali  
gus membantu dan meringan-

kan beban golongan terbabit,”  
katanya.

Ahmad berkata demikian  
selepas menyempurnakan maj-  
lis penyampaian bayaran sagu  
hati nelayan di Pangkalan Pan-  
tai Siring di sini kelmarin.

Seramai 62 nelayan terdiri  
daripada 52 pemilik bot mener-  
ima RM3,500 setiap seorang  
manakala 10 awak-awak mener-  
ima bayaran berjumlah  
RM1,760 seorang.

Ahmad yang juga Ahli Par-  
limen Jasin berkata, selain wang  
tunai, kerajaan turut menyum-  
bang sebuah enjin sangkut ber-

nilai RM40,000 kepada se-  
orang nelayan kurang upaya  
(OKU) cacat pendengaran  
dan bisu yang mempunyai  
vesel namun enjinnya telah  
rosak.

“Saya yakin sumbangan  
ini begitu bermakna kepada  
individu itu sebagai mata  
pencarian dan menambahkan  
pendapatan,” kata beliau.

Difahamkan daerah Jasin  
mempunyai 218 vesel yang  
berdaftar manakala nelayan  
berdaftar seramai 267 orang  
yang ditempatkan di laman  
pangkalan.